

Jenis Akhbar : *Harian Metro Online*
Tarikh : *17/12/2022*
Edisi / Muka Surat : www.hmetro.com.my
Tajuk : *Aktiviti tidak beretikaancam alam sekitar*

Aktiviti tidak beretikaancam alam sekitar



NIK Nazmi bergambar bersama Prof Dr Mohammad dan Abdul Fattah serta sukarelawan program selepas merasmikan Program Hari Denai Alam : Melestarikan Alam 2022 di UKM. FOTO Mohd Fadli Hamzah.

Bangi: Sejak kebelakangan ini alam sekitar negara kian diancam pelbagai sudut disebabkan aktiviti tidak beretika, sekali gus mengakibatkan gangguan bekalan air dan menggugat kelestarian alam semula jadi.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, jika keadaan itu berterusan ia pasti memberi kesan kepada bekalan air negara seterusnya menjejaskan kehidupan masyarakat sekitar dan mengancam kestabilan ekosistem alam semula jadi.

Justeru, katanya, penganjuran program seperti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok dan pembersihan denai amat signifikan.

Ini kerana, katanya sumber alam semula jadi seperti hutan dan sungai adalah khazanah negara amat berharga.

"Kita tahu ketika masyarakat sedar mengenai impak karbon kepada alam sekitar, antara teknologi yang diusahakan ialah teknologi penangkapan dan penyimpanan karbon (CCS).

"Tetapi sehingga hari ini semua kajian yang ada mendapati tiada CCS daripada segi kos atau keberkesannya yang mampu menandingi hutan atau pokok sebagai kawasan takungan karbon yang dicipta tuhan.

"Kita bolehlah jadikan itu satu alternatif, tetapi yang paling mudah ada di depan kita dengan memelihara dan memulihara hutan sedia ada serta menanam lebih banyak banyak," katanya ketika berucap pada Program Hari Denai Alam: Melestarikan Alam 2022, Denai Alur Ilmu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, hari ini.

Hadir sama, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UKM Prof Dr Mohammad Kassim dan Pengerusi Sahabat Sungai Malaysia Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang.

Nik Nazmi berkata, hutan memainkan peranan sangat penting dalam menjamin kestabilan alam sekitar, membekalkan sumber makanan, bekalan air bersih, sumber oksigen dan ekosistem pelbagai flora dan fauna.

Menurutnya, sebagai kawasan takungan karbon yang penting dalam memastikan keseimbangan kitaran karbon di dunia, hutan bertindak sebagai elemen penting dalam mitigasi perubahan iklim dan pelepasan gas rumah kaca.

"Jadi, pemeliharaan dan pemuliharaan hutan juga amat penting bagi mengurangkan kesan perubahan iklim yang dirasai kini," katanya.

Sementara itu, program Hari Denai Alam adalah mendukung inisiatif berterusan pihak Angkasa dalam menyokong agenda penghijauan Malaysia untuk menanam sejuta pokok dalam tempoh dua tahun bermula 2022 sehingga 2023 melalui program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok yang bermula pada 17 Julai lalu.

Disiarkan pada: Disember 17, 2022 @ 5:26pm